



TEKS UCAPAN

**TUAN MAS MIDYAWAN BIN YAHYA
SETIAUSAHA
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
CABUTAN BERTUAH BAGI BAYARAN
CUKAI TAKSIRAN ATAS TALIAN DENGAN
BAYARAN PENUH SEHINGGA 30 JUN 2023**

**3 FEBRUARI 2023, JUMAAT
10.30 PAGI**

LOBI WISMA MBS

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WTB

“SALAM BERSIH, MUAFAKAT, SEJAHTERA”

“SALAM SEREMBAN MAMPAN, BERSIH, SEJAHTERA”

Yang Dihormati,

Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seremban

Barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit

Majlis Bandaraya Seremban

Penerima-penerima Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran

Atas Talian Dengan Bayaran Penuh Sehingga 30 Jun 2023

Dan Seterusnya

Para Hadirin Sekalian

1. Alhamdulillah syukur kepada llahi kerana dengan izin dan limpahan-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama di dalam Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Atas Talian Dengan Bayaran Penuh Sehingga 30 Jun 2023. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada penerima-penerima hadiah bagi cabutan bertuah Cukai Taksiran atas talian dengan bayaran penuh sehingga 30 Jun 2023. Terima kasih juga saya ucapkan kepada barisan Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan rakan-rakan media yang hadir bagi menjayakan program pada hari ini.

2. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Program Cabutan Bertuah setiap tahun sehingga kini. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakan dan menghargai warga Bandar Raya Seremban yang telah menjelaskan Cukai Taksiran melalui atas talian. Majlis telah mengadakan kempen cabutan bertuah bagi bayaran Cukai Taksiran melalui atas talian dengan bayaran penuh sehingga 30 Jun 2023 bermula dari Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan menerima sebanyak 12,247 penyertaan dengan jumlah bayaran sebanyak RM3,710,314.

Para hadirin sekalian,

3. Kempen ini diadakan adalah khusus kepada seluruh pemillik harta dalam kawasan Pentadbiran Majlis sebagai insentif dan galakkan supaya pembayar cukai menjelaskan Cukai Taksiran secara atas talian (*online*) dan menjelaskan tunggakan dengan segera. Syarat penyertaan ialah mereka perlu menjelaskan bayaran secara atas talian dengan bayaran terdahulu sehingga 30 Jun 2023.
4. Lima cabutan hadiah bulanan berupa telefon pintar Samsung A13 telah dijalankan semasa Mesyuarat Majlis Penuh (MMP) yang diadakan setiap bulan dari bulan Julai 2022 sehingga November 2022. Manakala 40 cabutan hadiah utama berupa telefon pintar Samsung Z Flip, tablet, laptop dan gold bar (1 gram) telah diadakan pada 18 Januari 2023. Cabutan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Bandar bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Maksud-Maksud Am Bil.1/2023.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

5. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua pembayar cukai yang menyertai cabutan bertuah bagi tahun ini. Program ini akan diteruskan pada tahun ini dan akan datang sebagai galakan kepada warga Bandar Raya Seremban supaya membayar Cukai Taksiran tepat pada waktunya bagi mengelakkan bayaran denda. Bagi Tahun 2023, Majlis akan menawarkan hadiah utama cabutan bertuah Cukai Taksiran ialah sebuah kereta. Saya berharap pembayar cukai di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban sentiasa bergiat aktif dan melibatkan diri dalam setiap program yang kami adakan serta membayar Cukai Taksiran mengikut jadual yang telah ditetapkan setiap tahun.

6. Cukai Taksiran yang dikenakan bukanlah bertujuan untuk menyusahkan mana-mana pihak malah cukai tersebut dipulangkan kepada pembayar cukai melalui perkhidmatan yang diberikan seperti membaiki lampu jalan, membaiki jalan yang rosak dan sebagainya. Selain itu, program-program yang dijalankan juga adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pembayar cukai dengan Majlis Bandaraya Seremban. Majlis Bandaraya Seremban tidak hanya menjalankan kerja-kerja hakiki iaitu menyediakan perkhidmatan kepada penduduk di dalam kawasan Pentadbiran Majlis tetapi kami juga bergiat aktif dalam pelbagai program kemasyarakatan.

7. Seperti yang diketahui, setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memperoleh peruntukan melalui hasil kutipan Cukai Taksiran daripada penduduk. Sehubungan dengan itu, saya berharap warga Bandar Raya Seremban tidak lupa kewajipan untuk membayar cukai yang telah ditetapkan bagi memastikan perkhidmatan yang kami berikan tidak tergendala kerana kekurangan peruntukan kewangan.
8. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada penerima hadiah cabutan bertuah pada hari ini dan terima kasih kerana telah menyertai program cabutan bertuah kali ini. Saya berharap lebih ramai pembayar cukai akan menyertai program ini pada masa akan datang.
9. Sekian, terima kasih.

**TUAN MAS MIDYAWAN BIN YAHYA
SETIAUSAHA
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
JABATAN KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
3 FEBRUARI 2023**